

SALWANI MD ZAIN salwani@sinarharian.com.my

Louis remarque ambil alih su misura

LOUIS REMARQUE telah mengambil alih satu lagi jenama su misura, Granoff dalam mengembangkan perniagaan butik jahitan.

Granoff yang ditubuhkan sejak 2003 di Bosnia dan Herzegovina memberi tumpuan dalam pemakaian lelaki.

Koleksi Granoff sesuai untuk semua peringkat umur



yang memberi tumpuan terhadap kualiti fabriknya yang membolehkan pelbagai penjahitan pakaian korporat.

Reka bentuk terbaru memberi penampilan yang lebih elegan kepada pemakainya. Fabrik bermutu dari Itali akan dijahit dengan padanan aksesori yang sesuai oleh juru jahit yang berpengalaman.

Fabrik yang berlainan akan ditawarkan kepada pelanggan mengikut musim tertentu.



Takzim lancar koleksi Ramadan, Hari raya

FABRIK kain kapas menjadi tumpuan utama koleksi Ramadan dan Hari Raya dari pengeluar dan pengedar fabrik, Takzim Textile Sdn Bhd.

Pengarah Urusan Takzim Textile Sdn Bhd, Mohd Shariff Irfan berkata, selain kain kapas terutamanya kapas popelin inovatif, kain satin mewah juga turut menjadi pilihan busana tahun ini.

"Takzim Textile dijenamakan kepada Takzims tahun ini agar kelihatan lebih segar dengan himpunan fabrik dan material yang dipelbagaikan. Kami juga dengan bangganya mengumumkan pelancaran koleksi eksklusif untuk Ramadan & Hari Raya yang bertemakan *Cerita Raya*."

"Selain kain kapas dan satin, kami juga turut menyediakan padanan set mewah Songket Thai dalam koleksi ini," kata pada majlis pra-pelancaran koleksi 'Cerita Raya' di Shah Alam.

Menurut Mohd Shariff kapas popelin adalah sebuah inovasi dan rekaan khusus untuk cuaca tempatan.

"Negara kita mengalami cuaca panas dan kering sejak beberapa bulan lepas. Kain poliester tidak selesa dalam cuaca ini, jadi kami menggunakan bahan baru yang lebih sesuai dan menyejukkan," jelasnya. Untuk koleksi *Cerita Raya* ni, Takzim mendapatkan khidmat beberapa pereka tempatan dan tukang jahit pakar untuk rekaan corak kain dan baju kurung.

Eksklusif untuk Takzim, kain dan tekstil yang digunakan direka di Malaysia tetapi dihasilkan dan dicetak di luar negara. Bagaimanapun, kesemua rekaan baju kurung Takzim dihasilkan di Malaysia bagi mengekalkan kualiti jahitan.

"Koleksi kami fokus dalam pakaian seharian yang eksklusif, mudah dan sangat selesa,"katanya.



Tema pengembara bebas

JEEP SPIRIT LANCAR KOLEKSI MUSIM BUNGA/PANAS

Bertemakan *Pengembara Bebas*, koleksi Bunga/Panas kali ini direka bagi mereka yang berjiwa lasak. Koleksi yang menggabungkan pelbagai jenis budaya ini secara langsung mencipta identiti tersendiri buat pemakai. Diinspirasi oleh pelbagai budaya dunia, himpunan koleksi ini menampilkan gaya kasual yang sesuai untuk warga kota dalam pelbagai warna dan fabrik. Warna utama hitam, kelabu, hijau gelap, merah, biru dan kuning.

UNTUK LELAKI

Untuk musim ini, koleksi Jeep Spirit direka khas untuk lelaki masa kini yang aktif serta bercita-cita tinggi. Koleksi ini direka untuk keselesaan dalam pelbagai gaya. Ditampilkan keseluruhannya dalam cetakan geometri yang baharu dan pelbagai fabrik. Rekaan Kemeja T yang menonjolkan moto *Jeep Spirit* dalam huruf klasik, grafik

vintaj dan kesan lusuh yang membangkitkan rasa retro turut ditampilkan dalam koleksi ini.

UNTUK PEREMPUAN

Gaya feminin juga ditonjolkan dalam koleksi terbaharu. Unsur budaya juga dapat dilihat pada rekaan jaket dan kemeja T yang menampilkan elemen *tribal* dan cetakan geometri.

UNTUK KANAK-KANAK

Koleksi musim ini menawarkan fesyen bagi aktiviti luar yang lasak untuk kanak-kanak yang berpersonaliti ceria dan berjiwa bebas. Kemeja T klasik dan kemeja bercorak petak yang direka untuk dipadankan dengan seluar pendek dan jeans amat sesuai untuk digayakan oleh kanak-kanak ketika bercuti. Koleksi terbaru untuk kanak-kanak perempuan menonjolkan kecantikan dress denim dan kemeja dalam cetakan bermotif tenunan yang melambangkan keindahan pelbagai budaya.

